



## **Khairul Azwan dilantik Pengerusi Halal Development Corporation**

Oleh Muhamad Lokman Khairi - Mei 19, 2023 @ 7:10pm  
bhnews@bh.com.my

PASIR SALAK: Ketua UMNO Bahagian Pasir Salak, Khairul Azwan Harun atau lebih dikenali sebagai Azwan Bro, dilantik sebagai Pengerusi Halal Development Corporation (HDC).

Pelantikan itu diumumkan oleh HDC melalui satu hantaran pada akaun Facebook milik agensi berkenaan, hari ini.

Melalui hantaran itu, Lembaga Pengarah, Pengurusan dan warga kerja HDC mengucapkan tahniah dan berharap Khairul Azwan dapat membantu meningkatkan prestasi industri halal negara.

"Sekalung tahniah buat Encik Khairul Azwan Harun atas pelantikan sebagai Pengerusi Halal Development Corporation (HDC).

"Semoga dengan kepakaran, pengetahuan dan pengalaman Encik Khairul Azwan, tadbir urus HDC dapat diperkukuhkan dan kontribusi dapat diberikan pada peningkatan daya saing industri halal di Malaysia hingga ke tahap yang lebih tinggi," katanya.

HDC berperanan sebagai penyelaras utama bagi menggalakkan penyertaan dan memudahkan pertumbuhan pemain industri dalam pembangunan ekosistem halal Malaysia sejak pengubahannya pada 18 September 2006.

Ia juga adalah agensi pembangunan industri halal yang pertama disokong kerajaan di dunia. HDC adalah sebuah agensi di bawah Kementerian Pelaburan, Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

Sebelum ini, Khairul Azwan yang juga bekas Naib Ketua Pemuda UMNO mempunyai pengalaman sebagai Pengerusi Malaysia Debt Ventures (MDV) dan Pengerusi Bukan Eksekutif Bebas mTouche Technology Bhd.